

Terengganu juara keseluruhan kanu

PADANG BESAR

Terengganu menepati ramlan awal apabila berjaya mempertahankan kejuaraan bagi acara kanu pada temasya Sukma XVII Perlis 2014



selepas meraih lima lagi pingat emas pada hari terakhir acara itu semalam.

Kejayaan itu sekali gus mengatasi rekod yang dibuat tiga tahun lalu dalam Sukma mini Kuala Lumpur 2011 dengan 11 pingat emas.

Kontinjen Pantai Timur itu meneruskan penguasaan hari terakhir acara itu yang berlangsung di Kompleks Sukan Air Timah Tasoh, dekat sini menerusi kategori K1 200 meter wanita, TK1 200m wanita, K2 200m lelaki dan wanita serta K4 200m wanita.

Bukan itu sahaja, Terengganu juga berjaya memperbaharui dua rekod kebangsaan dan Sukma sepanjang tiga hari acara itu berlangsung.

Jurulatih kanu Terengganu, Muhammad Hakimi Jamaluddin gembira dengan pencapaian skuad kendaliannya itu meskipun kebanyakan atlet baru pertama kali menyertai temasya Sukma.

"Kebanyakan atlet kanu Terengganu pertama kali menyertai temasya Sukma. Saya bangga kerana mereka berjaya melepasi sasaran lapan emas yang ditetapkan.

"Masa depan atlet kanu kami sangat cerah. Selepas ini kami akan beri komitmen yang lebih padu untuk temasya akan datang," katanya.

Emas pertama Terengganu semalam hadir menerusi acara K1 200m wanita menerusi Nor Azita Ibrahim dengan catatan masa 55.74 saat.

Fatimah Ngah kemudian menghadiahkan emas kedua Terengganu dalam acara TK1 200m wanita (1 minit 07.79s) sebelum emas ketiga hadir menerusi pasangan K2 200m lelaki, Ahmad Shafiq Moha dan Muhammad Uweis Arqroni Rahmat (40.13s).

Azita sekali lagi menyumbangkan emas buat Terengganu, kali ini berpasangan bersama kakaknya, Noor Azira Ibrahim dalam acara K2 200m wanita dengan catatan 52.37s.

Terengganu melengkapkan lima pingat emas pada aksi penutup itu menerusi gandingan Akmal Idayu Mat Razik, Fatin Ajeerah Wahab, Azita dan Azira dalam acara K4 200m wanita (48.63s).

Dalam pada itu, Johor turut mencuri tumpuan apabila meraih tiga pingat emas bermula dalam acara K1 200m lelaki menerusi Muhammad Izzuddin Zainal (47.14s); TK2

200m lelaki dan wanita melalui gandingan Mohamad Haffis Wahid-Muhammad Azim Zahri (54.72s) dan Nor Diany Zaidi-Nuraisyah Ab Razak (1:03.51s).

Sementara Pahang menerusi Hafizzudin Nordin dalam acara TK1 200m lelaki dengan catatan masa 54.01s berjaya mencuri emas pada aksi penutup acara tersebut.

Turut meraih satu emas ialah kuartet Wilayah Persekutuan, Amirul Azfar Azwan, Mohd. Khirulniza Salleh, Muhammad Azrul Adnan dan Muhammad Uwais Zainal Abidin dalam acara K4 lelaki dengan catatan masa 39.54s.

Sementara itu, saingan hari ini menyaksikan sebanyak 14 pingat emas ditawarkan menerusi acara angkat berat, berbasikal, petanque, sepak takraw dan bowling manakala acara renang serta terjun akan bermula esok.